

Buletin @SUK

JULAI - SEPTEMBER 2024



**SAMBUTAN HARI
KEBANGSAAN KE-67
PERINGKAT NEGERI
SELANGOR.**

MS **43**



**LAWATAN DIRAJA SEMPENA MINGGU
SAHAM AMANAH MALAYSIA (MSAM)**

MS **40**



**BOLA SEPAK
PERSAHABATAN
ANTARA MB SELANGOR
DAN MB KEDAH**

MS **47**

Mutiara KATA

Sebagai anggota sektor awam, kita adalah tulang belakang kepada pelaksanaan dasar dan program kerajaan. Dalam hal ini, kerajaan sentiasa mengharapkan integriti pentadbiran awam berada di tahap yang tinggi. Ini bukan hanya bermaksud pegawai yang bersih dari rasuah tetapi juga meliputi semua aspek yang berkaitan dengan maruah sebagai penjawat awam.



YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

KETUA EDITOR

Mohd Fontedza bin Mohd Rawi

SIDANG EDITORIAL

Nur Fariza binti Daud
Nooraini binti Jalani
Adib bin Aziz
Aisya Sofea Binti Abdullah

FOTOGRAFI

Ahmad Fadhli bin Yahya



603-55447000



www.selangor.gov.my



@pejabat sukselangor



@pejabat sukselangor



@suk_selangor



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

ISI KANDUNGAN

Lensa Julai 2024

MS. 4

KUNJUNGAN KETUA PEGAWAI ESEKUTIF PEMBANGUNAN KOPERASI, PENJAJA DAN PENIAGA KECIL, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP) KE PEJABAT SUK SELANGOR

MS. 5

KUNJUNGAN HORMAT PERMODALAN NASIONAL BERHAD KE PEJABAT SUK SELANGOR

MS. 6

LAWATAN JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KE PEJABAT SUK, SMART SELANGOR OPERATION CENTRE (SSOC) DAN DISTRICT DISASTER OPERATION CENTRE (DDOC)

MS. 7

MAJLIS PERASMIAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN SELANGOR PERTAMA (KSP RS-1)

MS. 8

MESYUARAT KEDUA PERSIDANGAN PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KELIMA BELAS TAHUN 2024.

MS. 10

KUNJUNGAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA KE PEJABAT SUK SELANGOR

MS. 11

MAJLIS PENYAMPAIAN BIASISWA WANITA BERDAYA SELANGOR

MS. 12

MALAM ANUGERAH PLATFORM SELANGOR 2024 (MAPS 2024)

MS. 14

PERTANDINGAN LARIAN MENARA NEGERI SELANGOR TAHUN 2024

MS. 15

MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN PENGURUS JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK) KAMPUNG TRADISI NEGERI SELANGOR SESI 2024-2025

MS. 17

MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL ALAM SEKITAR PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2024

MS. 17

SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

MS. 18

KUNJUNGAN TM WILAYAH TENGAH KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

MS. 22

SELANGOR ASEAN BUSINESS CONFERENCE & SELANGOR INVESTMENT EXPO 2024

MS. 21

KUNJUNGAN KETUA AUDIT NEGARA KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

MS. 22

MAJLIS PENYERAHAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

MS. 24

KUNJUNGAN PEMBANGUNAN KOPERASI, PEJAJA DAN PENIAGA KECIL KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP) KE PEJABAT SUK SELANGOR

Lensa Ogos 2024

MS. 25

SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

MS. 26

INTAN MINISTER'S CONVERSATION EKONOMI MADANI : PENGALAMAN SELANGOR UNTUK MALAYSIA

MS. 27

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2024

MS. 29

MAJLIS PERASMIAN RUMAH PAM TAMAN SRI MUDA DAERAH KLANG

MS. 30

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PERTANDINGAN KAWAD KAKI PASUKAN BADAN BERUNIFORM PIALA DATO' MENTERI BESAR SELANGOR 2024

MS. 31

LAWATAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN KE SSOC DAN DDOC SELANGOR

MS. 32

SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

MS. 33

SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2024 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

MS. 34

PERASMIAN PROGRAM PUBLISITI DRAF RANCANGAN TEMPATAN MDSB 2035 (PENGgantian)

MS. 35

LAWATAN KERJA YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KE DEWAN NEGERI SELANGOR

MS. 36

PERASMIAN MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA (MSAM)

MS. 37

LAWATAN DIRAJA SEMPENA MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA (MSAM)

MS. 39

LAWATAN DELEGASI KERAJAAN NEGERI PERAK KE SMART SELANGOR OPERATION CENTRE (SSOC), PEJABAT SUK SELANGOR.

MS. 40

SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67 PERINGKAT NEGERI SELANGOR.

Lensa September 2024

MS. 42

SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

MS. 43

MAJLIS PERASMIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UTILITI INFRA DARUL AMAN (UIDA) DAN KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

MS. 44

PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN ANTARA MB SELANGOR DAN MB KEDAH

MS. 46

HARI EXPORT SELANGOR 2024

MS. 47

MAJLIS PENUTUP EKSPEDISI SAINTIFIK & SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA SELANGOR 2024

MS. 48

SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

MS. 49

SELANGOR AVIATION SHOW 2024

MS. 51

LAWATAN DELEGASI MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG KE SMART SELANGOR OPERATION CENTRE (SSOC) PEJABAT SUK SELANGOR

MS. 52

KUNJUNG HORMAT HAKIM UTAMA MAHKAMAH NEGERI SELANGOR KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

MS. 53

KUNJUNGAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR KE PAVILION MAHA 2024

MS. 54

DIALOG BELANJAWAN SELANGOR TAHUN 2025

MS. 55

SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

MS. 56

MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS PENGUAT KUASA SELANGOR

MS. 57

MAJLIS PELANCARAN RUMAH IDAMAN, PUTRA IDAMAN DAN MAJLIS PECAH TANAH RUMAH IDAMAN, SAUJANA IDAMAN



2 JULAI 2024, SHAH ALAM- Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsungnya sesi kunjungan hormat YBrs Dr. Amir Raslan bin Abu Bakar, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu ke atas YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir, YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Semoga kunjungan ini akan dapat meningkatkan kerjasama dan hubungan baik antara Kerajaan Negeri Selangor dan Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu.

KUNJUNGAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERBADANAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BHARU KE PEJABAT SUK SELANGOR

2 JULAI 2024, SHAH ALAM - Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsungnya sesi kunjungan hormat oleh YBrS Tuan Fadzhian Abbas Mohammed Ramlee, Ketua Pegawai Strategi Permodalan Nasional Berhad ke atas YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Semoga kunjungan ini akan dapat meningkatkan kerjasama dan hubungan baik antara Kerajaan Negeri Selangor dan Permodalan Nasional Berhad.

KUNJUNGAN HORMAT PERMODALAN NASIONAL BERHAD KE PEJABAT SUK SELANGOR





LAWATAN JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN KE PEJABAT SUK, SMART SELANGOR OPERATION CENTRE (SSOC) DAN DISTRICT DISASTER OPERATION CENTRE (DDOC)

3 JULAI 2024, SHAH ALAM- Satu Sesi lawatan kerja oleh Jabatan Wilayah Persekutuan telah berlangsung di Smart Selangor Operation Centre (SSOC), Tingkat 1, Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz. Seramai 19 orang deligasi melibatkan ketua jabatan dan pegawai yang diketuai oleh YBr. Tuan Wan Ashbi @ Wan Maheran Bin Leman, Pengarah Jabatan Perbandaran dan Khidmat Teknikal dan YBhg. Datin Zakiah Syerina Balqis Binti Taha, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perbandaran dan Khidmat Teknikal, Kol. (PA) Effendy bin Hj. Ali, Pengarah APM Wilayah Persekutuan.

Ketibaan delegasi ini disambut oleh YBhg. Dato' Mohd Yazid Bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YBr. Encik Muhammad Hanafi bin Ahmad, Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan) dan PPj (PA) Ghazali bin Abd Rahman, Pengarah APM Selangor.

Delegasi dari Jabatan Wilayah Persekutuan telah diberikan taklimat pembangunan infrastruktur teknologi dan pengoperasian pengurusan bencana Negeri Selangor yang telah disampaikan oleh Encik Muhammad Izzat Haziq Bin Mohd Nazir, Penolong Setiausaha, Unit Pengurusan Bencana, Bahagian Khidmat Pengurusan, PSUK.

Diharapkan lawatan ini dapat mengeratkan kerjasama dan perhubungan di antara Jabatan Wilayah Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor serta mengukuhkan urus tadbir pengurusan bencana agar terus maju ke arah kelestarian pembangunan dan kemakmuran simetri, pintar dan peduli rakyat.

MAJLIS PERASMIAN KAJIAN SEPARUH PENGAL RANCANGAN SELANGOR PERTAMA (KSP RS-1)

4 JULAI 2024, SHAH ALAM-Bertempat di Dewan Annexe, Bangunan Wisma Dewan Negeri Selangor telah berlangsung Majlis Perasmian Kajian Separuh Pengal Rancangan Selangor Pertama (KSP Rs-1) yang telah disempurnakan perasmiannya oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari diiringi oleh YB Tuan Lau Weng San , Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor dan YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Turut hadir, YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri, YB Dato' Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Barisan Exco Negeri Selangor, YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) dan YBhg. Dato' Mohd Yazid Bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

Majlis dimulakan dengan Lawatan YAB Dato' Menteri Besar ke reruai pameran seterusnya sesi ucapan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor dan Gimik Perasmian Kajian Separuh Pengal Rancangan Selangor Pertama (KSP RS-1). YAB Dato' Menteri Besar juga menyampaikan Buku KSP RS-1 kepada Barisan EXCO Kerajaan Negeri Selangor.

Kajian Separuh Pengal ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri yang terus berusaha untuk menggembelng kesatuan tenaga dan mengatur tindakan yang seiring demi menjayakan agenda pembangunan mampan selaras dengan aspirasi Rancangan Selangor Pertama, ke arah Negeri yang Pintar, Berdaya Huni dan Makmur.



MESYUARAT KEDUA PERSIDANGAN PENGGAJ KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KELIMA BELAS TAHUN 2024.

18 JULAI 2024, SHAH ALAM - Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Yang Kelima Belas Tahun 2024 telah diadakan bermula 4 Julai 2024 dan telah tamat pada 18 Julai 2024.

Pada mesyuarat kali ini terdapat 410 soalan bertulis dan 420 soalan mulut telah dibangkitkan dan dibahaskan Ahli Dewan Negeri Selangor.

Antara usul yang diluluskan ialah pindaan peraturan tetap berhubung pelaksanaan persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor secara hibrid menjadikan Selangor negeri pertama malah mendahului Parlimen Malaysia dan negeri lain.

Dewan Negeri Selangor sudah mendahului dengan mengadakan peraturan-peraturan mesyuarat yang membolehkan persidangan berlaku tanpa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) duduk secara fizikal.

Ini sudah diikuti dengan bagaimana undang-undang atau enakmen itu boleh dilaksanakan dan bersifat 'legal' walaupun tidak duduk secara fizikal dengan meminda beberapa peraturan mesyuarat, ini membolehkan persidangan berlaku.







10 JULAI 2024, SHAH ALAM - Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsungnya sesi kunjungan hormat YBrs Puan Julina binti Johan, Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia ke atas YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir, YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) dan YBrs Puan Normaizatulakmal binti Tujad, Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia Selangor.

Semoga kunjungan ini akan dapat meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan baik antara Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Penerangan Malaysia.

KUNJUGAN JABATAN PENERANGAN MALAYSIA KE PEJABAT SUK SELANGOR



MALAM ANUGERAH PLATFORM SELANGOR 2024 (MAPS 2024)

12 JULAI 2024, PETALING - Bertempat di Hotel Sunway Resort, Subang Jaya telah berlangsung Malam Anugerah Platform Selangor 2024 yang telah dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari diiringi oleh YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir, Barisan Exco Kerajaan Negeri Selangor dan YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan).

Seramai 12 peserta telah dipilih untuk menjadi peserta terbaik berdasarkan pencapaian sepanjang menjalani Program Latihan Pembangunan Usahawan PLATS (U-PLATS Digital) mewakili 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). MAPS 2024 bukan sahaja menjadi platform untuk mengiktiraf pencapaian peserta PLATS tetapi juga sebagai sumber inspirasi untuk terus maju dan berjaya dalam bidang keusahawanan terutamanya usahawan mikro Selangor pada masa hadapan.





KEJOHANAN LARIAN MENARA NEGERI SELANGOR TAHUN 2024



13 JULAI 2024, SHAH ALAM - Telah berlangsung Kejohanan Larian Menara yang merupakan kali pertama bangunan ikonik Pejabat SUK Selangor ini menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Larian Menara.

YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah menyempurnakan acara pelepasan peserta larian menara. Turut hadir YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan dan YB Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar.

Matlamat program ini adalah untuk memupuk kegiatan aktif dan senaman dikalangan masyarakat bermula dengan berjalan ataupun menaik tangga.




MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN PENGURUS JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG (JPKK) KAMPUNG TRADISI NEGERI SELANGOR SESI 2024-2025

15 JULAI 2024, PETALING - Bertempat di Hotel Concorde Shah Alam telah berlangsung Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Tradisi Negeri Selangor Sesi 2024- 2025 yang telah dirasmikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari diiringi oleh YB Datuk Hj. Rizam bin Hj. Ismail, EXCO Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna. Turut hadir, Barisan Exco Kerajaan Negeri Selangor dan YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan).

Pelantikan Ketua Kampung/ Pengerusi JPKK Negeri Selangor Sesi 2024-2025 ini telah berkuatkuasa mulai 1 Julai 2024 sehingga 31 Disember 2025. Seramai 373 ketua Kampung Tradisi telah dilantik dan 23 orang adalah dari kalangan wanita.

Tahniah dan selamat menjalankan tugas kepada semua Ketua Kampung/ Pengerusi JPKK Kampung Tradisi Negeri Selangor bagi Sesi 2024-2025 yang dilantik.





MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL ALAM SEKITAR PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2024

20 JULAI 2024, PETALING - Bertempat di Pusat Membeli Belah 1 Utama telah berlangsung Majlis Perasmian Karnival Alam Sekitar Peringkat Negeri Selangor 2024 yang telah dirasmikan oleh YB Puan Jamaliah binti Jamaluddin, Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor diiringi oleh YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan).

Program ini adalah usaha sama Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan - UPEN, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Komuniti Tunas KL & Selangor dan pihak 1 Utama Shopping Centre.

Program seumpama ini juga memberi pendedahan kepada orang ramai dengan memupuk budaya 5R iaitu mengurangkan sisa (reduce), mengitar semula (recycle), mengguna semula (reuse), fikir semula (rethink) dan menolak (refuse) sebagai amalan gaya hidup lestari.

Semoga program ini dapat meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai untuk mengamalkan sikap menjaga alam sekitar.



22 JULAI 2024, SHAH ALAM - Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada YBhg Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim yang dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya berkuat kuasa pada 22 Julai 2024.

Penyerahan Surat Pelantikan telah disempurnakan oleh YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut sama hadir, YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) dan YBrS Tuan Nur Iskandar bin Nur Dzainuddin, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat SUK Selangor.

Tahniah dan Selamat Bertugas diucapkan.

SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

22 JULAI 2024, SHAH ALAM - Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung sesi kunjungan hormat YBrs Tuan Meor Shahril Anuar Ahmad Rathuan, Naib Presiden Telekom Malaysia Wilayah Tengah ke atas YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Semoga kunjungan ini dapat meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan baik antara Kerajaan Negeri Selangor dan Telekom Malaysia Wilayah Tengah.

KUNJUNGAN TM WILAYAH TENGAH KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



SELANGOR ASEAN BUSINESS CONFERENCE & SELANGOR INVESTMENT EXPO 2024

25 JULAI 2024, KUALA LUMPUR - Bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur telah berlangsung program Selangor ASEAN Business Conference 2024 (SABC) dan Selangor Investment & Industrial Park Expo 2024 (SPARK) yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor diiringi oleh Yang Berhormat Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri dan YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir, YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri, Barisan Exco Kerajaan Negeri Selangor dan YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan). Program ini berlangsung selama tiga hari mulai 25 hingga 27 Julai 2024 dan menghimpunkan pemain industri dari seluruh dunia. Semoga program seumpama ini dapat meningkatkan ekonomi dan industri pelancongan di negara ini khususnya di Negeri Selangor.





30 JULAI 2024, SHAH ALAM – Sesi kunjungan hormat oleh YBhg Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara bersama delegasi ke atas YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir dan YB Dato' Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor. Kunjungan ini diharap dapat memperkukuhkan lagi kerjasama dan hubungan baik antara Kerajaan Negeri Selangor dan Jabatan Audit Negara.

KUNJUNGAN KETUA AUDIT NEGARA KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



MAJLIS PENYERAHAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN



30 JULAI 2024, SHAH ALAM – Majlis Penyerahan Geran Kecil Alam Sekitar Negeri Selangor Tahun 2024 telah diadakan di Ruang Foyer, Pejabat SUK Selangor dan dirasmikan oleh YB Puan Jamaliah binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor. Turut hadir, YBrs Tuan Mohd Sha'walludin bin Aziz, Timbalan Pengarah Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN Selangor. Program ini bertujuan menggalakkan penglibatan komuniti dalam aktiviti kelestarian alam sekitar di Selangor dan telah menerima 192 permohonan, dengan peruntukan RM600,000. Tahniah kepada semua penerima geran dan semoga usaha untuk melindungi alam sekitar ini berjaya.





31 JULAI 2024, SHAH ALAM - Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsungnya sesi kunjungan hormat YBrs Tuan Azizul bin Alias, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan delegasi ke atas YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Kunjungan ini membincangkan soal peluasan inisiatif oleh Majlis Pembangunan Usahawan, Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Daerah (MPUKPPD) di Negeri Selangor.

MPUKPPD berfungsi dalam pelaksanaan agenda pembangunan keusahawanan, penjaja kecil dan koperasi di peringkat daerah termasuk menyelesaikan isu-isu yang membabitkan pihak pemegang taruh dengan lebih efektif dan efisien.

KUNJUNGAN PEMBANGUNAN KOPERASI, PENJAJA DAN PENIAGA KECIL, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP) KE PEJABAT SUK SELANGOR





SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

1 OGOS 2024, SHAH ALAM - YBr. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat, manakala YBr. Puan Julaihah binti Jamaludin dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Penyerahan surat pelantikan disempurnakan oleh YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Tahniah dan selamat bertugas.

INTAN MINISTER'S CONVERSATION EKONOMI MADANI: PENGALAMAN SELANGOR UNTUK MALAYSIA

2 OGOS 2024, KUALA LUMPUR – Bertempat di INTAN, Bukit Kiara, telah berlangsung Perbincangan Menteri INTAN bersama YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir, YBhg Datuk Dr Anesee bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan), YBhg Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), YB Dato' Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), serta pegawai-pegawai daerah dan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor.

Program ini diadakan sempena Minggu Ekonomi dan Kewangan Awam, dengan tema Memperkasakan Ekonomi, Merealisasikan Madani. YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari berkongsi mengenai Ekonomi Madani dan pengalaman Selangor untuk Malaysia. Semoga pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor terus menjadi contoh terbaik dalam kerangka Malaysia Madani dan memacu kemajuan ekonomi negara.

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN **KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2024**

5 OGOS 2024, SHAH ALAM – Majlis Pelancaran Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Negeri Selangor 2024 telah diadakan di Auditorium Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz dan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir, YB Tuan Lau Weng San, Speaker Dewan Negeri Selangor, YB Dato' Dr Ahmad Fadzi bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, dan pegawai-pegawai kerajaan negeri. Selain itu, YAB Dato' Seri Amirudin juga melancarkan Hari Integriti 2024. Program ini bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara, selaras dengan tema Malaysia Madani Jiwa Merdeka.





MAJLIS PERASMIAN RUMAH PAM TAMAN SRI MUDA DAERAH KLANG

5 OGOS 2024, KLANG – Majlis Perasmian Rumah Pam Taman Sri Muda telah diadakan di Rumah Pam Taman Sri Muda, Klang, dan disempurnakan oleh YB Tuan Ir Izham bin Hashim, EXCO Infrastruktur dan Pertanian Negeri Selangor. Turut hadir, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian & Keterjaminan Makanan, dan YBrs Tuan Ir Hj Nasser bin Salim, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor.

Projek ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk mengurangkan risiko banjir di Taman Sri Muda, dengan harapan sistem ini dapat mengalihkan air lebihan dan mengurangkan risiko banjir pada masa hadapan.





MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN PERTANDINGAN KAWAD KAKI PASUKAN BADAN BERUNIFORM PIALA DATO' MENTERI BESAR SELANGOR 2024

6 OGOS 2024, PUNCAK ALAM – Majlis Penutupan Pertandingan Kawad Kaki telah diadakan di Padang Kawad, UiTM Puncak Alam, dan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir, YBhg CP Dato' Hussain bin Omar Khan, Ketua Polis Selangor, YBrs Dr Jafri Bin Abu, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, YBrs Prof. Madya Dr Rosmadi Ghazali, Timbalan Rektor UiTM, dan YBrs Ts Saipolyazan M. Yusop, CEO MBI.

Program ini diadakan sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024, bertujuan melatih semangat kerja berpasukan dan disiplin dalam kalangan generasi muda.







LAWATAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN KE SSOC DAN DDOC SELANGOR

8 OGOS 2024, SHAH ALAM – Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) menerima lawatan kerja daripada delegasi Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan di Smart Selangor Operations Centre (SSOC), Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz.

Delegasi yang terdiri daripada 13 wakil Bahagian Pengurusan Bencana dan Pejabat Tanah Negeri Kelantan diketuai oleh YBrs Tuan Haji Ab Pattah Bin Hasbullah, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pengurusan). Mereka disambut oleh YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan).

9 OGOS 2024, SHAH ALAM - Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan telah diadakan kepada YBrs Tuan Ir. Shukri Bin Ishak yang dilantik sebagai Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor yang baharu. Penyerahan surat pelantikan tersebut disempurnakan oleh YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan). Tahniah dan selamat bertugas diucapkan kepada YBrs Tuan Ir. Shukri.

SESI PENYAMPAIAN **AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN**



SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA 2024 PERINGKAT NEGERI SELANGOR

10 OGOS 2024, AMPANG - Di Tasik Pandan Perdana Ampang, telah berlangsung Sambutan Hari Air Sedunia 2024 Peringkat Negeri Selangor yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Turut hadir YB Dato' Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, YB Tuan Ir Izham bin Hashim, YB Puan Jamaliah binti Jamaluddin, YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi, dan YBrs Tuan Ts Haji Hasrolnizam bin Shaari.

Dengan tema 'Air Untuk Keamanan', sambutan ini bertujuan menekankan pentingnya pengurusan air untuk keamanan melalui kerjasama yang lebih efektif. Beberapa aktiviti diadakan, termasuk pertandingan mewarna, senamrobik, pameran, sukan air, dan demonstrasi kerja di kolam.

Selain itu, sesi pertukaran MOU antara LUAS dan MYSA juga diadakan, diikuti dengan Penyampaian Anugerah Friends of River Negeri Selangor dan sijil penghargaan kepada Rakan Kerjasama Strategik.





PERASMIAN PROGRAM PUBLISITI DRAF RANCANGAN TEMPATAN MDSB 2035 (PENGGANTIAN)

20 OGOS 2024, SABAK BERNAM - Bertempat di Dewan Tun Razak, Sabak Bernam telah berlangsung Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Bagi Draf Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam, Selangor 2035 (Penggantian) yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Turut hadir, YB Dato' Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, YB Datuk Rizam bin Hj Ismail, EXCO Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna, YBrS Tuan Azman bin Dahlan, Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam, YBrS TPr Khairulzaman bin Ibrahim, Pengarah PLANMalaysia Selangor dan Ketua-Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Selangor.

Semoga Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Draf Rancangan Tempatan ini tersebar luas kepada rakyat Negeri Selangor khususnya penduduk Daerah Sabak Bernam.

LAWATAN KERJA YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT KE DEWAN NEGERI SELANGOR

21 OGOS 2024, SHAH ALAM - YB Tan Sri Dato' (Dr) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, bersama delegasi, telah mengadakan lawatan kerja ke Dewan Negeri Selangor. Lawatan ini disambut oleh YB Tuan Lau Weng San, Speaker Dewan Negeri Selangor, dan YBrs Puan Gayathri Prasena, Setiausaha Bahagian Dewan Negeri.

Delegasi tersebut diberi taklimat mengenai Pentadbiran Dewan Negeri dan melawat sekitar kompleks Dewan Negeri. YB Tan Sri Johari turut mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.

Lawatan ini adalah siri terakhir dalam rangka lawatan ke Dewan Undangan Negeri di Semenanjung Malaysia sebagai persediaan untuk Pra-Persidangan Speaker-Speaker Parlimen dan DUN Se-Malaysia 2024 di Sarawak pada September nanti.



PERASMIAN MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA (MSAM)

22 OGOS 2024, SHAH ALAM – Majlis Perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) telah berlangsung di Pusat Konvensyen Setia Alam, dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Turut hadir YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan PNB, dan YBhg Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB.

MSAM 2024 yang bertemakan 'Uplift Your Life at MSAM' mengumpulkan pelbagai aktiviti menarik untuk masyarakat, dengan tujuan mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat merentas generasi. Acara ini akan berlangsung hingga 25 Ogos 2024, dengan kehadiran pelbagai pemimpin dan barisan Exco Negeri Selangor.

CELIK MADANI: CELIK KEWANGAN BELIA MADANI

22 Ogos 2024 (Khamis) | Setia City Convention Centre, Shah Alam, Selangor



LAWATAN DIRAJA SEMPENA MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA (MSAM)

24 OGOS 2024, SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor telah berkenan melawat pameran sempena Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM). Turut hadir bersama adalah YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB), YB Tuan Lau Weng San, Speaker Dewan Negeri Selangor, YBhg Dato' Abdul Rahman Ahmad, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, serta YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri, Barisan EXCO Kerajaan Negeri dan YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan).

Lawatan tersebut turut dihadiri oleh Orang- Orang Besar Istana, Orang- Orang Besar Daerah, Datuk Bandar, Pegawai-Pegawai Daerah dan Yang Di-Pertua- Yang Di-Pertua Negeri Selangor.

Menjunjung Kasih di atas kesudian DYMM Sultan Selangor dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor melawat hampir 50 reruai pameran dan pelbagai produk pelaburan terkini di Pusat Konvensyen Setia Alam.





LAWATAN DELEGASI KERAJAAN NEGERI PERAK KE SMART SELANGOR OPERATION CENTRE (SSOC), PEJABAT SUK SELANGOR.

27 OGOS 2024, SHAH ALAM - Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) telah menerima kunjungan sempena lawatan kerja delegasi daripada Kerajaan Negeri Perak ke Smart Selangor Operation Centre (SSOC), Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Bangunan SSAAS.

Delegasi ini terdiri daripada 20 orang pegawai yang diketuai oleh EXCO Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia & NGO, YB Tuan Azlan Helmi bin Helmi dan disambut oleh Encik Mohd Ikram bin Rahimi, Ketua Penolong Setiausaha, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor.

Turut diadakan sesi taklimat berkaitan pembangunan infrastruktur teknologi dan koordinasi pengurusan bencana Negeri Selangor oleh Encik Mohd Ikram. Selain itu, taklimat berkenaan inisiatif Smart Selangor, persediaan dan cabaran-cabaran menarik ke arah menuju negeri pintar telah disampaikan oleh Encik Badli Shah Bin Muhammad Salleh, Pengarah Project Delivery SSDU Innovations Sdn Bhd serta taklimat berkenaan tugas dan fungsi Pusat Aduan Setempat (CCC) dan Pengurusan Bencana KDEB Waste Management oleh Encik Aisar bin Haji Sukran, Eksekutif CCC KDEB Waste Management.





SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-67 PERINGKAT NEGERI SELANGOR.

30 OGOS 2024, SHAH ALAM - Dataran Kemerdekaan Shah Alam sekali lagi bergema dengan laungan Merdeka oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir, YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri, serta barisan Exco Negeri Selangor.

Sambutan meriah itu menyaksikan perarakan dan perbarisan melibatkan 71 kontinjen, termasuk jabatan kerajaan, pihak swasta, ATM, PDRM, dan pancaragam sekolah. Pelbagai persembahan menarik turut diadakan seperti aksi cegah jenayah oleh PDRM, persembahan Tarian Citrawarna, dan pertunjukan bunga api serta laser.

Sambutan ini menarik lebih 60 ribu pengunjung yang turut menyaksikan ersembahan artis terkenal seperti Dato' Sri Siti Nurhaliza, Roy, Poey Stings, Projector Band dan konsert bersama Faizal Tahir memeriahkan suasana.. Tahniah diucapkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang memenangi kategori jabatan kerajaan dalam acara perbarisan.



SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

3 SEPTEMBER 2024, SHAH ALAM - Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada YBrs Tuan Mohd Sabree bin Yaakub yang dilantik sebagai Bendahari Negeri Selangor yang baharu berkuat kuasa pada 19 Ogos 2024.

Penyerahan Surat Pelantikan telah disempurnakan oleh YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Tahniah dan Selamat Bertugas diucapkan.



MAJLIS PERASMIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA UTILITI INFRA DARUL AMAN (UIDA) DAN KORIDOR UTILITI SELANGOR (KUSEL)

3 SEPTEMBER 2024, SHAH ALAM - Bertempat di Dewan Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz Shah telah termeterai Memorandum Perjanjian antara Utiliti Infra Darulaman (UiDA) dan Koridor Utiliti Selangor (KUSEL) yang telah disaksikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan YAB Dato' Seri Haji Muhamad Sanusi bin Md Nor, Menteri Besar Kedah.

Turut hadir, YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri, YB Dato' Dr Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Barisan Exco Negeri Selangor, YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan YBhg Dato' Mohd Yazid Bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pengurusan).

Dalam usaha sama ini, KUSEL berkongsi kepakaran yang ada, serta menawarkan sokongan dan khidmat nasihat yang berupaya memperkasa pengetahuan dalam pengurusan strategik infrastruktur utiliti.

Semoga kerjasama ini akan memberikan manfaat dua hala kepada KUSEL dan UIDA juga kepada rakyat Negeri Selangor dan Kedah.



PERLAWANAN **BOLA SEPAK** **PERSAHABATAN** **ANTARA MB SELANGOR** **DAN MB KEDAH**

3 SEPTEMBER 2024, SHAH ALAM - Sekitar liputan Perlawanan Persahabatan Bola Sepak antara Pilihan MB Selangor dan Pilihan MB Kedah sempena kunjungan delegasi Negeri Kedah ke Selangor Perlawanan ini turut diserikan dengan kehadiran DYTMM Raja Muda Selangor yang berkenan mencemar duli menyaksikan perlawanan bola sepak ini.

Hadir sama YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YBhg Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Datuk-Datuk Bandar, Pegawai-Pegawai Daerah, Yang Dipertua - Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan serta ketua-ketua Jabatan dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Sesi perlawanan persahabatan ini sangat unik dimana pasukan pilihan MB Selangor telah menampilkan pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan Anak Syarikat Negeri Selangor serta pemain veteran Selangor.





HARI EXPORT SELANGOR 2024

4 SEPTEMBER 2024, SHAH ALAM - Majlis Perasmian Hari Eksport Selangor 2024 telah dirasmikan oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC).

Turut hadir, YBhg Dato' Hazimah Zainuddin, Lembaga Pengarah Kanan MATRADE, YBrs Tuan Hj Ir Md Kamarzan bin Md Rais, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNS, serta Ketua-Ketua Jabatan Negeri Selangor.

Hari Eksport Selangor 2024 yang dianjurkan bersama MATRADE, Kerajaan Negeri Selangor, UPEN dan PKNS, menyediakan platform untuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mendapatkan panduan eksport dan pendedahan kepada bantuan Kerajaan, dengan lebih 240 peserta mengambil bahagian dalam bengkel yang dianjurkan.





MAJLIS PENUTUPAN EKSPEDISI SAINTIFIK & SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA SELANGOR 2024

6 SEPTEMBER 2024, HULU LANGAT - YB Puan Jamaliah Binti Jamaluddin, Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar telah merasmikan Majlis Penutup Ekspedisi Saintifik Dan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa yang diadakan di Hutan Lipur Gunung Nuang. Hutan ini merupakan sebahagian daripada Hutan Warisan Diraja Selangor.

Majlis tersebut telah turut dihadiri YBhg Dato' Hj Zahari Bin Ibrahim, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBrs Tuan Azhar Bin Ahmad Pengarah Jabatan Hutan Selangor dan Prof Madya Dr Mohd Nazre Saleh, Universiti Putra Malaysia selaku Ketua Ekspedisi.

Hutan Lipur Gunung Nuang telah di warta 1927 dan merupakan puncak tertinggi di Selangor pada ketinggian 9898 kaki. Hasil penemuan ekspedisi saintifik yang telah diadakan selama 4 hari bermula 3 September hingga 6 September 2024 mendapati terdapat 5 jenis paku pakis yang hanya terdapat di kawasan Gunung Nuang. Di sini juga terdapat populasi kelawar tertinggi di Malaysia merangkumi 10% keseluruhan populasi kelawar di Malaysia.

Di hutan lipur ini juga mempunyai Burung Enggang Tebang Mentua (Rhinoplax vigil) atau Enggang Gading ialah spesies enggang dalam keluarga Bucerotidae. Hanya terdapat tidak lebih daripada 300 ekor di seluruh dunia. Antara binatang lain yang terdapat di sini iaitu tapir, kijang, rusa dan beruang matahari.

Lokasi ini merupakan *Hotspot* biodiversiti tertinggi di Selangor. Sebagai usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk memerihara biodiversiti ini, Kerajaan Negeri akan menanam 40,000 pokok sebelum 2026.



11 SEPTEMBER 2024 SHAH ALAM - Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada YBrs Tuan Ali Sadikin bin Sadin yang dilantik sebagai Pegawai Daerah Sabak Bernam yang baharu berkuat kuasa pada 11 September 2024.

Penyerahan Surat Pelantikan telah disempurnakan oleh YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Tahniah dan Selamat Bertugas diucapkan.

SESI PENYAMPAIAN **AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN**

SELANGOR AVIATION SHOW 2024

12 SEPTEMBER 2024, PETALING - Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor telah mencemar duli berangkat merasmikan Selangor Aviation Show 2024 sambil diringi oleh YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor, YB Dato' Setia Hj Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan YBhg Dato' Hasan Azhari, CEO Invest Selangor Sdn Bhd.

Acara tahunan ini menyaksikan kehadiran lebih 86 pempamer dan dijangka mencatat transaksi bernilai RM1.3 bilion, ianya membuktikan potensi besar industri penerbangan di Selangor sebagai pintu masuk utama ke ASEAN.

Dalam ucapannya, YAB Dato' Seri Amirudin menekankan peranan Selangor sebagai peneraju dalam pembangunan industri aero angkasa, termasuk usaha inovasi bahan bakar penerbangan lestari dan pengukuhan Selangor sebagai hab penerbangan serantau. Selangor Aviation Show ini turut membuka peluang kepada pelabur untuk meneroka pasaran Asia Tenggara yang pesat membangun, dan memperkukuh jaringan serta kerjasama strategik antara industri. Semoga acara ini dapat terus menjadi pemangkin pertumbuhan industri penerbangan di Selangor dan memperkukuh kedudukan negeri ini sebagai hab penerbangan utama di Asia menjelang tahun 2030.



BETWEEN





LAWATAN DELEGASI MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG KE SMART SELANGOR OPERATION CENTRE (SSOC), PEJABAT SUK SELANGOR

12 SEPTEMBER 2024, SHAH ALAM - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menerima kunjungan delegasi daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang ke Smart Selangor Operation Centre (SSOC), Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz, Bangunan SSAAS. Delegasi ini terdiri daripada 29 orang pegawai yang diketuai oleh Pengarah Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), YBrs Ir Tuan Chiew Choon (Edward). Ketibaan delegasi telah disambut oleh Encik Abdul Wahid bin Abdul Motalip, Ketua Penolong Setiausaha Kanan dan Encik Mohd Ikram bin Rahimi, Ketua Penolong Setiausaha, Unit Pengurusan Aset/Bencana, Bahagian Khidmat Pengurusan.

Rombongan MBPP kemudiannya diberikan taklimat berhubung pembangunan infrastruktur teknologi dan koordinasi pengurusan bencana Negeri Selangor oleh Encik Mohd Ikram bin Rahimi. Selain itu, taklimat berkenaan inisiatif daripada Inovasi Digital Selgem berkenaan pengurusan sistem trafik dan pemantauan kualiti jalan di selangor turut disampaikan oleh Encik Hafizuddin Bin Zakaraya, Pengarah Eksekutif Inovasi Digital Selgem Sdn Bhd.

Sesi lawatan ini merupakan bukti kejayaan Negeri Selangor dalam pelaksanaan negeri pintar, seperti yang telah digarapkan melalui agenda Smart Selangor. Semoga lawatan ini dapat mengeratkan jalinan kerjasama strategik di antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang dengan Kerajaan Negeri Selangor, di samping mengukuhkan tatakelola pentadbiran kedua-dua negeri ke arah melestarikan pembangunan teknologi pintar dan kemakmuran simetri, dan peduli rakyat.

KUNJUNGAN HORMAT HAKIM UTAMA MAHKAMAH NEGERI SELANGOR KE PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

13 SEPTEMBER 2024, SHAH ALAM - Bertempat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah berlangsung sesi kunjungan hormat Hakim Utama Mahkamah Negeri Selangor, Yang Arif Dato' Sri Latifah binti Haji Mohd Tahar dan delegasi ke atas YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Hadir sama, YB Dato' Salim bin Soib @ Hamid, Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor.

Semoga kunjungan ini dapat meningkatkan lagi kerjasama dan hubungan baik antara Kerajaan Negeri Selangor dan Mahkamah Negeri Selangor.



KUNJUNGAN

YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR KE PAVILION MAHA 2024

19 SEPTEMBER 2024, SERDANG - YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah berkunjung ke MAEPS, Serdang diiringi YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan YBhg Datuk Wira Dr Mohamad Khairil bin Mohamad Razi, Ketua Pegawai Eksekutif PKPS.

Turut berlangsung Sesi Pertukaran Memorandum Persefahaman antara Agrobank dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) yang disaksikan oleh Dato' Menteri Besar Selangor dan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Dalam sesi lawatan tersebut, turut diadakan lawatan ke Pavilion Selangor antaranya Laman kelulut, Laman Cendawan, Melon Selangor dan Ternakan Bernilai Tinggi.

MAHA 2024 bermula pada 11 September 2024 dan akan berakhir pada 22 September 2024 turut menghimpunkan pelbagai aktiviti menarik serta pavilion yang mempamerkan keunikan setiap negeri di Malaysia. Jangan ketinggalan untuk hadir dan memeriahkan MAHA 2024.



DIALOG BELANJAWAN SELANGOR TAHUN 2025

24 SEPTEMBER 2024, SHAH ALAM - Bertempat di Pusat Konvensyen Setia Alam telah berlangsung Sesi Dialog Belanjawan Selangor 2025 bersama Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari.

Turut hadir, YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YB Dato' Dr Ahmad Fadzli bin Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri, YB Datuk Borhan bin Aman Shah, EXCO Perumahan & Kebudayaan Negeri Selangor, Ketua-Ketua Jabatan Negeri Selangor dan pemain industri.

Terdapat lima sesi dialog yang diadakan serentak yang melibatkan topik Kemampanan Hasil Selangor, Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI), Selangor Yang Berdaya Tahan, Pemberdayaan dan Pengupayaan Kebajikan Rakyat dan Perumahan.

Semoga sesi dialog ini dapat membantu dalam proses penyediaan input Belanjawan Selangor 2025 yang akan dibentangkan tidak lama lagi.



SESI PENYAMPAIAN AMANAT DAN PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN

26 SEPTEMBER 2024, SHAH ALAM - Sesi Penyampaian Amanat dan Penyerahan Surat Pelantikan kepada YBrs Tuan Huzunul Khaidil bin Mohammed yang dilantik sebagai Pegawai Daerah Petaling yang baharu berkuat kuasa pada 27 September 2024.

Penyerahan Surat Pelantikan telah disempurnakan oleh YB Dato' Setia Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Tahniah dan Selamat Bertugas diucapkan.



MAJLIS TAMAT LATIHAN KURSUS ASAS PENGUAT KUASA SELANGOR

26 SEPTEMBER 2024, JUGRA - Satu Majlis Tamat Kursus Asas Penguat Kuasa telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Mohd Yazid Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan). Seramai 41 orang penguat kuasa (34 lelaki 7 wanita) telah berjaya menerima tauliah di majlis tersebut.

YBhg Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) telah membuat pemeriksaan Perbarisan serta menyampaikan Anugerah Pelatih Akademik Terbaik (Muhammad Syami Asyraf bin Mohd Dzahari, Penguat Kuasa SUK Selangor), Pelatih Kawad Terbaik (Muhammad Azraff bin Zulkifli, Majlis Bandaraya Shah Alam), Pelatih Aktiviti Luar Terbaik (Muhammad Saifuddin bin Jamali, Majlis Perbandaran Kajang), Pelatih Kepimpinan Terbaik (Zahrul Affendi bin Abd Jalil, Majlis Perbandaran Kajang) dan Pelatih Keseluruhan Terbaik (Muhammad Akmal bin Karim, Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor).

Majlis ini telah diiringi oleh Brass Band Regimen 502 Askar Wataniah. Kursus Asas Penguat Kuasa Selangor merupakan satu bentuk latihan dan kemahiran kepada Pegawai dan Anggota Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain agensi Penguat Kuasa di Negeri Selangor.

Program ini menekankan kekentalan jati diri, kekuatan fizikal dan semangat penguat kuasa berjiwa tegas, berdisiplin, berhemah, bertanggungjawab dan berintegriti.

MAJLIS PELANCARAN RUMAH IDAMAN, PUTRA IDAMAN DAN MAJLIS PECAH TANAH RUMAH IDAMAN, SAUJANA IDAMAN

28 SEPTEMBER 2024, CYBERJAYA - YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor telah menyempurnakan Perasmian Majlis Pelancaran Rumah Idaman, Putra Idaman dan Majlis Pecah Tanah Rumah Idaman, Saujana Idaman bertempat di Myra Cove Sales Gallery, Cyberjaya. Turut hadir, YB Datuk Borhan bin Aman Shah, EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor, YBhg Dato' Johary bin Anuar, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), YBhg. Dato' Mohd Yazid Bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), YBrS Tuan Saipolyazan bin Mat Yusop, Ketua Pegawai Eksekutif (MBI), YBrS Raja Ahmad Shahrir Iskandar bin Raja Salim, Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor Berhad dan YBrS Tuan Low Kok Shen Ketua Pegawai Eksekutif Oriental Interest Berhad. Rumah Idaman merupakan inisiatif kerajaan Selangor untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap rumah mampu milik di pusat bandar.

